PENDIDIKAN MORAL TAHUN 6

Latihan : Berterima Kasih
(4.1.1, 4.1.2 & 4.1.3)

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

peraturan sekolah	**membalas jasa**	**kad ucapan**	**mendengar arahan**
Hari Guru	**memberikan tumpuan**	**membuang sampah**	**terima kasih**

1. Melissa memberikan _____ terima kasih kepada cikgu Ai Ling yang banyak membantunya dalam mata pelajaran Matematik.
2. Murid sekolah Kebangsaan Taman Sentosa mengadakan majlis sambutan _____ bagi menghargai jasa dan pengorbanan guru mendidik mereka hingga berjaya.
3. Alina mengucapkan _____ kepada pekerja kantin selepas dia memulangkan wang baki kepada Alina.
4. Rajan murid yang baik kerana dia sentiasa mematuhi _____ yang telah ditetapkan.
5. Murid-murid Tahun 6 Rafflesia _____ ketika guru sedang mengajar di dalam kelas.
6. Azizul sentiasa menjaga kebersihan sekolah dengan _____ ke dalam tong sampah yang disediakan.
7. Murid-murid itu _____ pengawal sekolah yang membantu mereka melintas jalan dengan selamat.
8. Rahim ingin _____ rakan baiknya, Micheal yang selalu membantunya dalam pelajaran.

LIVEWORKSHEETS

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 6

Latihan : Berterima Kasih
(4.1.1, 4.1.2 & 4.1.3)

Jelaskan kepentingan amalan berterima kasih terhadap warga sekolah berdasarkan situasi di bawah.

Situasi	Kepentingan
1. Murid-murid Tahun 6 Orkid bangun lalu mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Chan selepas tamat sesi pembelajaran.	_____ _____
2. Selepas pekerja kantin itu memulangkan baki wang, Lee Ling mengucapkan terima kasih kepadanya sambil tersenyum.	_____ _____
3. Helena mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakannya yang memberikan hadiah sempena hari lahirnya.	_____ _____
4. Maria mengucapkan terima kasih kepada pembantu pengurusan murid yang menemaninya sehingga ibunya tiba di sekolah.	_____ _____
5. Jia Hui mengucapkan terima kasih kepada pengawal sekolah yang membantunya melintas jalan raya yang sibuk.	_____ _____

LIVEWORKSHEETS